




KIRI: Dr Hajah Maslina semasa menghadiri ceramah berkenaan.



KANAN: Profesor Tokuda menyampaikan ceramah mengenai Gula Rare.

KIRI: Sebahagian daripada mereka yang menghadiri ceramah itu.

Gula Rare mampu tingkat kesihatan



Oleh Sim Y.H.

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Jun - Terdapat lebih dari 100 jenis Gula Rare di mana gula-gula berkenaan adalah amat sukar ditemui tetapi ia mempunyai kegunaan yang mampu mempromosi kesihatan dalam kalangan orang ramai.

Gula Rare mempunyai tahap kemanisan yang serupa dengan gula biasa tetapi ia mempunyai kadar kalori yang rendah serta selamat untuk dimakan, jelas Penolong Dekan Hal Ehwal Antarabangsa dan Pengerusi Jawatankuasa Pertukaran Antarabangsa Universiti Kagawa, Profesor Masaki Tokuda.

Beliau menyampaikan ceramah bertajuk, *Rares Sugars: Kagawa University's Original Sweeteners for Healthy and Sustainable Society* dan *The Network of Perinatal Telemedicine* yang diadakan di Dewan Kuliah, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolqiah, Universiti Brunei Darussalam, hari ini.

Hadir di ceramah awam berkenaan ialah Dekan Institut Sains Kesihatan PAPRSB, Dr Hajah Maslina Haji Mohsin, Kaunselor Menteri Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam, Seisuke Shimizu serta pensyarah-pensyarah, penuntut-penuntut Universiti Brunei Darussalam.

Dalam ceramah itu, Profesor Tokuda mengatakan menerusi penyelidikan yang dijalankan, Universiti Kagawa kini dapat menghasilkan Gula Rare dengan jumlah yang banyak dari teknologi yang dihasilkan di mana menurutnya penyelidikan dalam kaedah berkenaan bergerak ke hadapan.

Beliau juga menjelaskan bahawa penyelidikan dalam Gula Rare itu juga telah menarik minat bukan sahaja dari pihak penyelidik lain tetapi juga industri makanan di Jepun kerana dapatan awal dari penyelidikan yang dijalankan menunjukkan bahawa Gula Rare berkeupayaan untuk menyumbang kepada gaya hidup yang lebih sihat dan mampan.

Beliau mengongsikan bahawa kajian ke dalam perkara itu adalah untuk mencari alternatif kepada jenis pemanis yang digunakan disebabkan meningkatnya penyakit yang berkaitan dengan gaya hidup di Jepun.

Semasa ceramah itu juga, Profesor Tokuda turut menyentuh dengan program Rangkaian Perinatal Telemedicine yang mempunyai keupayaan untuk menghubungkan pelbagai pusat kesihatan ibu dan kanak-kanak menerusi rangkaian ICT bagi membolehkan ibu-ibu yang mengandung dan kanak-kanak mendapat ulasan mengenai keadaan mereka dari pelbagai pakar.

Tingkatkan kerjasama Brunei-Jepun



Seisuke Shimizu.

Oleh Sim Y.H.

Pakar teknologi komputer beri syarahan percuma di Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Jun - Presiden bagi